

Inspira^{Inside} TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الإسلامية
سليمانية سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 16: 20 April 2026

UPSI terajui projek pemuliharaan hutan berteknologi pintar di Central Forest Spine

Gerik, 15 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerajui pelaksanaan projek pemuliharaan hutan berteknologi pintar di kawasan *Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak apabila menerima geran antarabangsa berjumlah RM3 juta menerusi inisiatif EduGreen@UPSI. Geran itu adalah hasil kerjasama strategik antara Procter & Gamble (P&G) Amerika Syarikat dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia di bawah program *Nature Pillar* bagi pelaksanaan projek "Integrated Smart Bioacoustic Project for Wildlife & Forest Conservation".

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata UPSI sebagai peneraju projek memfokuskan pembangunan teknologi


Perak yang berlangsung hari ini bertujuan menghimpunkan kepimpinan industri global, organisasi konservasi antarabangsa serta delegasi UPSI sebagai rakan strategik utama pelaksana projek. Beliau berkata, peranan universiti sebagai peneraju projek tersebut mencerminkan keupayaan institusi berkenaan dalam menggabungkan kepakaran teknologi dan penyelidikan bagi menyokong agenda pemuliharaan hutan negara. "Melalui penerapan teknologi AI dan IoT, UPSI berupaya membangunkan sistem pemantauan hutan secara masa nyata yang lebih cekap dan berimpak tinggi dalam usaha melindungi hidupan liar serta ekosistem hutan," katanya. Menurut beliau, kerjasama strategik bersama WWF Malaysia dan P&G Amerika Syarikat turut membuka peluang penglibatan lebih luas dalam kalangan penyelidik, pelajar serta komuniti setempat. Program *Nature Pillar* di pihak WWF Malaysia diterajui oleh Dr. Karthigayan Gunasegaran yang menyelaras pelaksanaan strategik inisiatif konservasi berimpak tinggi bersama rakan industri global dan institusi akademik termasuk UPSI. Projek berkenaan diketuai oleh Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli dari Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (FKMT), UPSI sebagai ketua projek yang menerajui pembangunan sistem pemantauan hidupan liar bersepadu berasaskan teknologi pintar.

Beliau dibantu oleh rakan penyelidik, Dr. Nor Asiah Mohamad @Razak, Dr. Okta Nurika, Dr. Salem Abdullah Salem Garfan, Dr. Mad Helmi Ab Majid dan Dr. Suhazlan Suhaimi, manakala Prof. Dr. Ridzwan Che Rus bertindak sebagai Ketua Sub-Projek Ekologi yang menyokong pembangunan rangka kerja saintifik pemetaan biodiversiti serta analisis habitat secara bersepadu di kawasan CFS. Che Zalina berkata, kejayaan itu turut mengukuhkan kedudukan UPSI sebagai institusi pendidikan yang memimpin inovasi teknologi konservasi hutan tropika berasaskan AI dan IoT di Malaysia serta rantau ini. Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi WWF Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar bersama barisan pengurusan tertinggi WWF-Malaysia, wakil kepimpinan P&G Amerika Syarikat.

konservasi berasaskan kecerdasan buatan (AI), Internet of Things (IoT) dan bioakustik pintar bagi memperkukuh pemantauan biodiversiti serta keselamatan hutan secara masa nyata di kawasan CFS. Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran program *Nature Pillar* WWF-Malaysia dan P&G Amerika Syarikat di Belum Rainforest Resort,



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



KUPSI raih geran PPRN Fasa 1/2026, perkasa inovasi pendidikan awal kanak-kanak

Tanjong Malim, 15 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengorak langkah dalam memperkasa penyelidikan berimpak tinggi apabila Pengarah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Prof. Madya Dr. Mazlina Che Mustafa, berjaya memperoleh geran Public-Private Research Network (PPRN) Fasa 1/2026.

Kejayaan itu mencatat sejarah tersendiri apabila beliau muncul sebagai satu-satunya wakil UPSI yang menerima geran berkenaan bagi fasa ini, sekali gus menjadi penerima pertama geran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) untuk tahun 2026.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar, geran tersebut turut melibatkan kerjasama strategik bersama rakan industri, iaitu Puan Zaliza Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Genius Aulad dan Gains Education Group. "Kolaborasi ini mencerminkan sinergi kukuh antara sektor akademik dan

industri dalam membangunkan penyelidikan yang bukan sahaja relevan, malah praktikal serta berimpak tinggi kepada masyarakat.

"Selain itu, projek penyelidikan berkenaan disokong oleh barisan penyelidik bersama yang berpengalaman iaitu Dr. Laili Farhana Md. Ibrahim dari Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi UPSI serta Dr. Hazhari Ismail dari Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) UPSI. Menurut beliau, gabungan kepakaran pelbagai disiplin ini dilihat mampu memperkukuh pelaksanaan penyelidikan secara menyeluruh dan bersepadu.

Majlis penyerahan replika cek bernilai RM66,000 itu telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir. Pengiktirafan ini membuktikan komitmen tinggi penyelidik UPSI dalam menerajui agenda penyelidikan berimpak, khususnya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

UPSI Unggul Tiga Terbaik VSC 2025, Pelancaran VSC 2026 Meriah di USM Nibong Tebal

Nibong Tebal, 16 April - Majlis Pelancaran Varsity Sports Championship (VSC) 2026 berlangsung meriah di Dewan Utama Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Sains Malaysia (USM), dengan penyertaan kira-kira 40 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari seluruh negara.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dinobatkan sebagai juara keseluruhan, diikuti Universiti Putra Malaysia (UPM) selaku naib juara, manakala Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya menempatkan diri dalam kelompok tiga terbaik IPT negara. Penganjuran VSC dilaksanakan secara berfasa melibatkan sukan terpilih serta menggunakan sistem pungutan mata bagi menentukan kedudukan IPT setiap tahun. Bagi

edisi 2025, sebanyak 17 kejohanan melibatkan 22 acara dalam 11 kluster telah berjaya dilaksanakan. UPSI muncul antara IPT paling menyerlah menerusi penyertaan aktif dan pencapaian cemerlang merentasi pelbagai kluster sukan. Paling mencuri perhatian adalah apabila pasukan Silat UPSI berjaya muncul juara keseluruhan Kluster Combat, sekali gus mengharumkan nama universiti di pentas sukan IPT.

Selain itu, UPSI turut mempamerkan prestasi yang konsisten apabila meraih gelaran naib juara dalam acara olahraga, sepak takraw, boling dan kayak. UPSI juga berjaya menduduki tempat ketiga dalam acara futsal wanita, memanah dan ragbi wanita, sekali gus membuktikan kekuatan serta keseimbangan pasukan dalam pelbagai disiplin sukan.



UPSI, rakan industri Korea meterai MoA perkasa modul digital pendidikan

Tanjong Malim, 18 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Appbooks Sdn. Bhd., Appmedia Inc. dari Korea Selatan serta Sahmyook University dalam usaha memperkukuh pembangunan modul digital interaktif bagi sektor pendidikan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Suriani Abu Bakar berkata, kolaborasi strategik itu mencerminkan komitmen universiti dalam memperluas jaringan kerjasama bersama rakan industri dan institusi akademik di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, inisiatif tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan serta penambahbaikan *Interactive E-Module* Bahasa Melayu.

"Modul ini direka khusus bagi

menyokong murid Tahun 4 selaras dengan Pendekatan Matriks Pembelajaran Tahun 4 yang menekankan pembelajaran holistik, berasaskan kompetensi dan bermakna," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan di Scholar's Suites, Kampus Sultan Azlan Shah, kelmarin. Dr. Suriani berkata, usaha itu turut mencerminkan komitmen UPSI dalam menyokong keutamaan pendidikan negara serta memacu inovasi pembelajaran digital.

"Kerjasama ini bukan sekadar tertumpu kepada pembangunan kandungan, malah merupakan satu usaha ilmiah bagi menilai serta meningkatkan keberkesanan teknologi pendidikan digital agar benar-benar memberi impak kepada proses pembelajaran. Beliau turut menyifatkan kolaborasi itu sebagai langkah penting dalam memperkukuh

agenda penyelidikan dan inovasi universiti, khususnya dalam bidang pendigitalan pendidikan. "Inisiatif ini berpotensi untuk diperluas ke peringkat nasional serta menjadi rujukan antarabangsa dalam pembangunan modul digital, sekali gus menyokong agenda pendigitalan pendidikan negara," ujarnya.

Katanya, kerjasama tersebut juga memperkasakan peranan Pusat Inisiatif Pemodenan Pendidikan (NiCE) UPSI sebagai peneraju dalam inovasi pendidikan digital. "Kerjasama ini bukan sekadar tertumpu kepada pembangunan kandungan, malah merupakan satu usaha ilmiah bagi menilai serta meningkatkan keberkesanan teknologi pendidikan digital agar benar-benar memberi impak kepada proses pembelajaran.

